BAHAGIAN VI**PINDAAN KEPADA AKTA LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA 1998****Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998**

46. Bahagian ini mula berkuat kuasa apabila Akta ini mula berkuat kuasa.

Seksyen baharu 27A

47. Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 27 seksyen yang berikut:

“Penggunaan perkhidmatan elektronik

27A. (1) Walau apa pun apa-apa peruntukan lain Akta ini, Ketua Pengarah boleh menyediakan suatu perkhidmatan elektronik kepada mana-mana pengguna berdaftar bagi—

- (a) pemfailan atau pengemukaan apa-apa permohonan, penyata, perisytiharan atau apa-apa dokumen lain; dan
- (b) penyampaian apa-apa notis, arahan, perintah, permit, resit atau apa-apa dokumen lain.

(2) Jika—

- (a) apa-apa permohonan, penyata, perisytiharan atau apa-apa dokumen lain dibuat dan dihantar kepada Ketua Pengarah melalui perkhidmatan elektronik; atau
- (b) apa-apa notis, arahan, perintah, permit, resit atau apa-apa dokumen lain yang diperoleh oleh pengguna berdaftar melalui perkhidmatan elektronik,

Ketua Pengarah tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh pengguna berdaftar itu atas sebab apa-apa kesilapan atau peninggalan tidak kira dengan apa jua sifat atau tidak kira bagaimana jua sekali pun berbangkit yang terdapat dalam apa-apa permohonan, penyata, perisytiharan, notis, arahan, perintah, permit, resit atau apa-apa dokumen lain jika kesilapan atau peninggalan itu berlaku atau timbul akibat daripada apa-apa kecacatan atau kegagalan dalam perkhidmatan elektronik itu atau dalam kelengkapan yang digunakan bagi penyediaan perkhidmatan itu atau tanpa pengetahuan Ketua Pengarah.

(3) Apa-apa permohonan, penyata, perisytiharan atau apa-apa dokumen lain yang dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar hendaklah disifatkan sebagai telah difailkan atau dikemukakan pada masa permohonan, penyata, perisytiharan atau apa-apa dokumen lain itu diterima oleh Ketua Pengarah.

(4) Bagi maksud seksyen ini, “pengguna berdaftar” ertinya mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Ketua Pengarah untuk mengakses dan menggunakan perkhidmatan elektronik.”.

BAHAGIAN VII

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 2018

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Jualan 2018

48. Bahagian ini mula berkuat kuasa apabila Akta ini mula berkuat kuasa.

Pindaan seksyen 26

49. Akta Cukai Jualan 2018, yang disebut “Akta ibu” dalam Bahagian ini, dipinda dalam subseksyen 26(2) dengan menggantikan perkataan “dalam masa tiga puluh hari dari” dengan perkataan “tidak lewat daripada hari terakhir bulan yang berikutnya selepas”.

Pindaan seksyen 27

50. Seksyen 27 Akta ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subseksyen (5) dengan subseksyen yang berikut:

“(5) Jika mana-mana orang telah mendapat kawalan ke atas mana-mana barang bercukai atau telah mengimport mana-mana barang bercukai, Ketua Pengarah boleh menghendaki orang itu untuk mengakaunkan barang bercukai itu.”; dan

- (b) dengan menggantikan subseksyen (6) dengan subseksyen yang berikut:

“(6) Jika mana-mana orang tidak mengakaunkan barang bercukai di bawah subseksyen (5) oleh sebab—

(a) barang bercukai itu telah dijual oleh orang itu;

(b) barang bercukai itu telah dieksport atau dipindahkan melalui jualan; atau

(c) barang bercukai itu telah hilang atau musnah,

Ketua Pengarah boleh menaksir mengikut pertimbangan terbaiknya amaun cukai jualan yang sepatutnya boleh dikenakan berkenaan dengan barang bercukai itu jika barang itu telah dijual oleh orang itu dan hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang itu tentang taksiran itu secara bertulis.”.

Pindaan Jadual

51. Jadual kepada Akta ibu dipinda berhubung dengan seksyen 25, dalam ruang (2), dengan menggantikan perenggan 1 dengan perenggan yang berikut:

‘1. Gantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Tempoh bercukai yang pertama bagi tiap-tiap orang kena cukai hendaklah bermula dari tarikh dia sepatutnya berdaftar di bawah seksyen 13 dan berakhir pada hari terakhir dua bulan berikutnya dan tempoh bercukai seterusnya hendaklah suatu tempoh selama tiga bulan yang berakhir pada hari terakhir mana-mana bulan dalam mana-mana tahun kalendar.”.’.

BAHAGIAN VIII

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

Permulaan kuat kuasa pindaan kepada Akta Cukai Perkhidmatan 2018

52. Bahagian ini mula berkuat kuasa apabila Akta ini mula berkuat kuasa.

Pindaan seksyen 26

53. Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dipinda dalam subseksyen 26(2) dengan menggantikan perkataan “dalam masa tiga puluh hari dari” dengan perkataan “tidak lewat daripada hari terakhir bulan yang berikutnya selepas”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 (“Akta 53”), Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 (“Akta 169”), Akta Setem 1949 (“Akta 378”), Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (“Akta 543”), Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998 (“Akta 592”), Akta Cukai Jualan 2018 (“Akta 806”) dan Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (“Akta 807”).

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

Bahagian II Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967.

2. *Fasal 4* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (4) hingga (7) ke dalam seksyen 66A Akta 53.

Subseksyen baharu 66A(4) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa apa-apa nombor pengenalan cukai yang diberikan di bawah seksyen 66A Akta 53 dan dijadikan boleh diakses oleh Ketua Pengarah kepada mana-mana orang tidak boleh ditafsirkan sebagai bahan yang terkelas di bawah subseksyen 138(5) Akta 53.

Subseksyen baharu 66A(5) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah tidak bertanggung bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh mana-mana orang yang disebabkan oleh apa-apa kesilapan atau peninggalan yang berbangkit daripada perkhidmatan memberikan akses kepada nombor pengenalan cukai kepada mana-mana orang.

Subseksyen baharu 66A(6) yang dicadangkan melarang mana-mana orang yang mempunyai akses kepada suatu nombor pengenalan cukai orang lain daripada menggunakan atau menyebabkan atau membenarkan untuk digunakan nombor pengenalan cukai itu bagi tujuan selain bagi maksud Akta 53.

Subseksyen baharu 66A(7) yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi suatu kesalahan di bawah subseksyen baharu 66A(6) Akta 53 dan hukuman bagi kesalahan itu.

3. *Fasal 5* bertujuan untuk meminda subseksyen 77B(1A) Akta 53 untuk meluaskan kewajipan untuk mengemukakan kepada Ketua Pengarah suatu penyata terpinda dalam borang yang ditetapkan melalui suatu medium elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik mengikut seksyen 152A Akta 53 kepada seseorang yang telah mengemukakan suatu penyata di bawah subseksyen 77(1) Akta 53.

4. *Fasal 6* bertujuan untuk meminda subseksyen 82C(8) Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa tempoh bagi mana-mana orang untuk mengeluarkan suatu invoice elektronik ganti adalah dalam tempoh tujuh puluh dua jam dari masa pengeluaran suatu invoice elektronik yang cacat menggantikan kehendak semasa tiga hari.

5. *Fasal 7* bertujuan untuk meminda seksyen 113A Akta 53 untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk mengenakan penalti tidak kurang daripada dua puluh ribu ringgit dan tidak lebih daripada satu ratus ribu ringgit jika tiada tindakan pendakwaan dimulakan berhubung dengan kegagalan untuk mengemukakan penyata, penyata maklumat atau laporan atau maklumat yang betul, mengikut subseksyen 113A(1) Akta 53.

6. *Fasal 8* bertujuan untuk meminda subseksyen 125(2) Akta 53 untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk memungut suatu penalti yang dikenakan di bawah subseksyen 113A(2) atau 113B(4) Akta 53 seolah-olah penalti itu ialah cukai yang kena dibayar bagi maksud seksyen 103 hingga 106 Akta 53.

7. *Fasal 9* bertujuan untuk meminda perenggan 12 Jadual 5 kepada Akta 53 untuk memperuntukkan bahawa seseorang perayu hanya boleh bergantung kepada alasan rayuan selain yang dinyatakan dalam petisyen rayuan dan mengubah apa-apa alasan rayuan yang dinyatakan sedemikian jika perayu itu memberikan suatu notis berkenaan dengannya secara bertulis kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dan Ketua Pengarah dalam tempoh enam bulan dari tarikh perayu itu menerima notis di bawah subseksyen 102(1) Akta 53 daripada Ketua Pengarah.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH 1976

Bahagian III Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976.

8. *Fasal 11* bertujuan untuk meminda seksyen 13 Akta 169.

Perenggan 11(a) bertujuan untuk menggantikan subseksyen 13(4) Akta 169 berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri. Pindaan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa suatu penyata di bawah Akta 169 hendaklah dikemukakan melalui suatu media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik.

Perenggan 11(b) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu (6A) ke dalam seksyen 13 Akta 169 berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri. Pindaan yang dicadangkan memperuntukkan bahawa suatu pemberitahuan yang disebut dalam subseksyen 13(6) Akta 169 hendaklah dikemukakan melalui media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik mengikut subseksyen 13(6A) Akta 169.

Perenggan 11(c) bertujuan untuk menggantikan subseksyen 13(7) Akta 169 untuk memperuntukkan bahawa pemberitahuan yang disebut dalam subseksyen 13(6) Akta 169 hendaklah disifatkan telah diserahkan kepada pemeroleh pada hari penyata dan pemberitahuan itu dikemukakan kepada Ketua Pengarah mengikut subseksyen 13(6A) Akta 169.

9. *Fasal 14* bertujuan untuk menggantikan seksyen 21A Akta 169 berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri. Dengan pindaan ini, Ketua Pengarah dikehendaki untuk memberitahu pelupus dalam suatu perakuan tidak dikenakan cukai melalui suatu media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa tiada keuntungan yang boleh dikenakan cukai telah timbul.

Fasal 14 selanjutnya bertujuan untuk memperuntukkan bahawa perakuan itu hendaklah disifatkan telah diberitahu kepada pelupus pada hari suatu penyata di bawah seksyen 13 Akta 169 dikemukakan kepada Ketua Pengarah.

10. *Fasal 15* bertujuan untuk meminda subseksyen 21B(5) Akta 169 berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 13 Akta 169. Pindaan yang dicadangkan ini memperuntukkan bahawa seksyen 21B Akta 169 tidak terpakai dalam hal keadaan yang suatu pemberitahuan telah diserahkan kepada pemeroleh di bawah seksyen 13 Akta 169 dalam tempoh enam puluh hari selepas tarikh pelupusan.

11. *Fasal 16* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 29(2A) ke dalam Akta 169 untuk memberi mahkamah kuasa untuk membuat suatu perintah lanjutan bagi menghendaki seseorang untuk mematuhi subseksyen 13(1) atau 13(5) Akta 169 selepas orang itu disabitkan dengan suatu kesalahan bagi tidak mematuhi peruntukan Akta 169 yang berkaitan yang di bawahnya suatu kesalahan itu telah dilakukan.

12. *Fasal 17* bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 36(2) ke dalam Akta 169 untuk memberi mahkamah kuasa untuk membuat suatu perintah lanjutan bagi menghendaki seseorang untuk mematuhi kehendak seksyen 27 atau subseksyen 13(2), 13(3) atau 28(3) Akta 169 selepas orang itu disabitkan dengan suatu kesalahan bagi tidak mematuhi peruntukan Akta 169 yang berkaitan yang di bawahnya suatu kesalahan itu telah dilakukan.

13. *Fasal 18* bertujuan untuk menggantikan subseksyen 57A(1) Akta 169 untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk menghendaki seseorang untuk mengemukakan apa-apa borang yang ditetapkan melalui suatu media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik.

14. *Fasal 19* bertujuan untuk meminda subperenggan 9(1) Jadual 3 kepada Akta 169 secara khususnya dalam perenggan (c) proviso untuk memperuntukkan bahawa seseorang hendaklah mengemukakan borang yang ditetapkan itu melalui suatu media elektronik atau dengan cara penghantaran elektronik kepada Ketua Pengarah. Pada masa kini, borang yang ditetapkan hendaklah dikemukakan secara manual kepada Ketua Pengarah.

Bahagian IV Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949, yang antara lainnya, untuk memperkenalkan sistem taksir sendiri bagi duti setem.

15. *Fasal 21* bertujuan untuk meminda seksyen 3A Akta 378 berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri bagi duti setem.

Perenggan 21(a) bertujuan untuk menggantikan subseksyen 3A(1) Akta 378 untuk memberi Pemungut kuasa untuk menghendaki mana-mana orang untuk mengemukakan kepada Pemungut untuk pemeriksaan atau hadir sendiri di hadapan Pemungut dan mengemukakan untuk pemeriksaan apa-apa surat cara, buku, akaun, rekod atau dokumen lain bagi maksud menentukan sama ada suatu surat cara boleh dikenakan duti di bawah Akta 378 atau sama ada duti itu telah dibayar.

Perenggan 21(b) dan (d) bertujuan untuk meminda subseksyen 3A(2) dan (3) Akta 378 berbangkit daripada pindaan kepada subseksyen 3A(1).

Perenggan 21(c) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 3A(2A) dan (2B) ke dalam Akta 378. Subseksyen baharu 3A(2A) yang dicadangkan bertujuan untuk memberi Pemungut kuasa, semasa memasuki mana-mana tanah, bangunan dan tempat, untuk menggeledah dan memeriksa apa-apa surat cara, buku, akaun, rekod, dokumen, objek, barang, material atau benda, dan untuk membuat cabutan daripada, atau salinan bagi, apa-apa surat cara, buku, akaun, rekod, dokumen, objek, barang, material atau benda itu tanpa bayaran atau balasan.

Subseksyen baharu 3A(2B) yang dicadangkan selanjutnya mengenakan tanggungjawab atas pemilik atau penghuni tanah, bangunan atau tempat itu untuk menyediakan kemudahan dan bantuan yang munasabah kepada Pemungut.

Perenggan 21(e) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 3A(3A) ke dalam Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa Pemungut boleh memberikan notis secara bertulis kepada mana-mana orang untuk mengemukakan suatu terjemahan dalam bahasa kebangsaan bagi surat cara, buku, akaun, rekod atau dokumen lain berhubung dengan penentuan duti yang kena dibayar. Bagi Malaysia Timur, terjemahan itu boleh dikehendaki untuk disediakan dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris.

Perenggan 21(f) bertujuan untuk menggantikan subseksyen 3A(5) Akta 378 untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan yang antaranya, halangan atau keengganan untuk membenarkan masuk ke dalam mana-mana tanah, bangunan atau tempat, keengganan untuk mengemukakan apa-apa surat cara, buku, akaun, rekod atau dokumen lain dan kegagalan untuk menyediakan kemudahan atau bantuan yang munasabah kepada Pemungut bagi maksud penentuan duti yang kena dibayar. Pindaan yang dicadangkan ini juga bertujuan untuk meningkatkan kadar denda maksimum daripada dua ratus lima puluh ringgit kepada sepuluh ribu ringgit.

16. *Fasal 22, 25, 26 dan 27* bertujuan untuk meminda seksyen 12A, 17, 20 dan 20B Akta 378 untuk memasukkan sebutan mengenai subbutiran 32(aa) ke dalam seksyen tersebut. Subbutiran 32(aa) telah dimasukkan ke dalam Jadual Pertama kepada Akta 378 melalui Akta Kewangan (No. 2) 2023 [Akta 851].

17. *Fasal 23* bertujuan untuk menggantikan perenggan (a) proviso kepada subseksyen 15(1) Akta 378 berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri bagi duti setem. Peruntukan ini menghendaki suatu penyata dikemukakan berserta dengan suatu surat cara berhubung dengan penstrukturan semula atau penggabungan suatu syarikat melalui suatu medium elektronik untuk taksiran duti.

18. *Fasal 24* bertujuan untuk menggantikan proviso kepada subseksyen 15A(1) Akta 378 berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri duti setem. Peruntukan ini menghendaki suatu penyata dikemukakan berserta dengan suatu surat cara berhubung dengan pindah milik harta antara syarikat bersekutu melalui suatu medium elektronik untuk taksiran duti.

19. *Fasal 28* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 35A dan 35B ke dalam Akta 378.

Seksyen baharu 35A yang dicadangkan bertujuan untuk menghendaki tiap-tiap orang, selain orang yang diberi kuasa di bawah seksyen 9, untuk mengemukakan suatu penyata berkenaan dengan suatu surat cara yang disempurnakan dan kena dibayar duti kepada Pemungut menggunakan suatu borang yang ditetapkan melalui medium elektronik.

Seksyen baharu 35B yang dicadangkan bertujuan untuk menghendaki tiap-tiap orang untuk menyimpan surat cara dan dokumen yang berkaitan berhubung dengan surat cara itu bagi tempoh tujuh tahun dari tarikh duti itu dibayar berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri bagi duti setem.

20. *Fasal 29* bertujuan untuk meminda seksyen 36 Akta 378 berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri bagi duti setem.

Perenggan 29(b) bertujuan untuk menggantikan subseksyen 36(1) Akta 378. Perenggan 36(1)(a) Akta 378 memperuntukkan bahawa pengemukaan suatu penyata dalam borang yang ditetapkan berserta dengan suatu surat cara sebagaimana yang ditentukan oleh Pemungut hendaklah disifatkan sebagai suatu taksiran yang dibuat oleh Pemungut. Perenggan 36(1)(b) Akta 378 mengekalkan kuasa Pemungut untuk mentaksirkan duti atas surat cara mengikut pertimbangannya.

Perenggan 29(c) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 36(1A) ke dalam Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa Pemungut boleh menentukan surat cara yang termasuk di bawah perenggan 36(1)(a) Akta 378 dengan apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pemungut.

Perenggan 29(d) bertujuan untuk menggantikan subseksyen 36(2) Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa taksiran yang dibuat di bawah perenggan 36(1)(a) Akta 378 hendaklah disifatkan sebagai suatu taksiran dan duti yang kena dibayar bagi surat cara itu hendaklah genap masa dan kena dibayar pada hari Pemungut disifatkan telah membuat taksiran itu.

Perenggan 29(e) bertujuan untuk memasukkan subseksyen baharu 36(2A) ke dalam Akta 378 untuk memberi Pemungut kuasa untuk menghendaki apa-apa cabutan bagi surat cara, afidavit atau keterangan lain bagi maksud perenggan 36(1)(b) Akta 378.

21. *Fasal 30* bertujuan untuk meminda seksyen 37 Akta 378 untuk mengadakan peruntukan bagi pengendorsan oleh Pemungut atas suatu surat cara yang dikemukakan berserta dengan suatu penyata melalui medium elektronik untuk taksiran duti di bawah seksyen 36, 36A, 36AA, 36B atau 36CA Akta 378.

22. *Fasal 31* bertujuan untuk meminda seksyen 40 Akta 378 berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 36 Akta 378.

23. *Fasal 32* bertujuan untuk meminda subseksyen 42(2) Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa suatu penyata hendaklah dikemukakan kepada Pemungut berserta dengan suatu surat cara yang dinyatakan dalam subseksyen 42(2) Akta 378 melalui medium elektronik untuk taksiran duti. Pada masa kini, surat cara itu hendaklah dibawa secara ke diri kepada Pemungut untuk taksiran duti.

24. *Fasal 33* bertujuan untuk meminda seksyen 43 Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa suatu penyata hendaklah dikemukakan kepada Pemungut berserta dengan suatu surat cara yang merupakan suatu cek atau nota janji hutang yang dikeluarkan atau dibuat di luar Malaysia melalui suatu medium elektronik untuk taksiran duti. Pada masa kini, surat cara itu hendaklah dibawa secara ke diri kepada Pemungut untuk taksiran duti.

25. *Fasal 34, 36, 37 dan 38* bertujuan untuk meminda seksyen 49, perenggan (a) proviso kepada subseksyen 52(1), seksyen 53 dan subseksyen 63(2) Akta 378 untuk memotong rujukan kepada seksyen 43 Akta 378 berikutan pindaan yang dibuat melalui Akta Kewangan (No. 2) 2023.

26. *Fasal 35* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 50B ke dalam Akta 378 untuk membenarkan pembayar duti yang telah terlebih membayar duti setem untuk memohon secara bertulis kepada Pemungut bagi suatu relif atas alasan kesilapan atau kekhilafan yang dibuat oleh pembayar duti itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam seksyen itu berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri bagi duti setem.

27. *Fasal 39* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 72B, 72C dan 72D ke dalam Akta 378 berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri bagi duti setem.

Seksyen baharu 72B yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi kesalahan dan penalti bagi kegagalan untuk menyimpan buku, rekod dan dokumen mengikut subseksyen 9(7) Akta 378, untuk memberitahu Pemungut sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen 15(6A) atau 15A(6) Akta 378 atau untuk menyimpan surat cara dan dokumen lain yang berkenaan sebagaimana yang dikehendaki di bawah seksyen 35B Akta 378 yang memperuntukkan denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

Subseksyen baharu 72C(1) yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi suatu kesalahan berhubung dengan kegagalan untuk mengemukakan suatu penyata berserta dengan suatu surat cara yang telah disempurnakan dan yang boleh dikenakan duti, mengikut seksyen 35A Akta 378 tanpa alasan yang munasabah.

Subseksyen baharu 72C(2) yang dicadangkan bertujuan untuk memberi mahkamah kuasa untuk membuat suatu perintah lanjutan bagi menghendaki seseorang untuk mematuhi peruntukan yang berkenaan dengan Akta 378 selepas orang itu disabitkan dengan suatu kesalahan bagi tidak mematuhi peruntukan yang berkenaan dalam Akta 378.

Subseksyen baharu 72C(3) yang dicadangkan bertujuan untuk memperuntukkan bahawa Pemungut boleh menghendaki pembayar duti untuk membayar suatu penalti jika tiada tindakan pendakwaan dimulakan berhubung dengan suatu kesalahan di bawah subseksyen 72C(1) yang dicadangkan itu.

Subseksyen baharu 72D(1) yang dicadangkan mengadakan peruntukan bagi suatu kesalahan terhadap mana-mana orang yang mengemukakan suatu penyata yang tidak betul atau memberikan maklumat yang tidak betul di bawah Akta 378.

Subseksyen baharu 72D(2) yang dicadangkan memperuntukkan bahawa Pemungut boleh menghendaki pembayar duti untuk membayar suatu penalti yang bersamaan dengan amaun duti yang terkurang bayar akibat daripada penyata atau maklumat yang tidak betul itu.

28. *Fasal 40* bertujuan untuk meminda seksyen 74 Akta 378 untuk menaikkan penalti bagi kesalahan yang melibatkan apa-apa perbuatan fraud dengan niat untuk menipu duti Kerajaan daripada denda lima ribu ringgit kepada denda tidak kurang daripada satu ribu ringgit dan tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.

29. *Fasal 41* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 76A ke dalam Akta 378 untuk memperuntukkan bahawa mana-mana orang yang menjalankan hak untuk mengakses atau hak untuk mengambil milikan apa-apa surat cara, buku, akaun, rekod, dokumen, objek, barang, material atau benda yang dinyatakan di bawah seksyen 3A Akta 378 hendaklah membawa bersamanya suatu waran dalam borang yang ditetapkan yang dikeluarkan oleh Pemungut.

30. *Fasal 42* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 77D ke dalam Akta 378 untuk memberi Pemungut kuasa untuk menetapkan borang yang dikehendaki bagi maksud Akta 378 berbangkit daripada pengenalan sistem taksir sendiri bagi duti setem.

PINDAAN KEPADA AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967

Bahagian V Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967.

31. *Fasal 44* bertujuan untuk meminda subseksyen 34B(7) Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa tempoh bagi mana-mana orang untuk mengeluarkan suatu invoice elektronik ganti adalah dalam tempoh tujuh puluh dua jam dari masa pengeluaran suatu invoice elektronik yang cacat menggantikan kehendak semasa tiga hari.

32. *Fasal 45* bertujuan untuk meminda perenggan 10 Jadual Ketiga kepada Akta 543 untuk memperuntukkan bahawa seseorang perayu hanya boleh bergantung kepada alasan rayuan selain yang dinyatakan dalam petisyen rayuan dan mengubah apa-apa alasan rayuan yang dinyatakan sedemikian jika perayu itu memberikan suatu notis berkenaan dengannya secara bertulis kepada Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan dan Ketua Pengarah dalam tempoh enam bulan dari tarikh perayu itu menerima notis di bawah subseksyen 46(1) Akta 543 daripada Ketua Pengarah.

PINDAAN KEPADA AKTA LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA 1998

Bahagian VI Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Levi Keuntungan Luar Biasa 1998.

33. *Fasal 47* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 27A ke dalam Akta 592 untuk membenarkan Ketua Pengarah untuk menyediakan suatu perkhidmatan elektronik kepada mana-mana pengguna berdaftar bagi pemfailan atau pengemukaan apa-apa permohonan, penyata, perisytiharan atau apa-apa dokumen lain, dan penyampaian apa-apa notis, arahan, perintah, permit, resit atau apa-apa dokumen lain.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI JUALAN 2018

Bahagian VII Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Jualan 2018.

34. *Fasal 49* bertujuan untuk meminda subseksyen 26(2) Akta 806 untuk membolehkan pengilang berdaftar yang tempoh bercukainya telah diubah untuk mengemukakan suatu penyata tidak lewat daripada hari terakhir bulan selepas berakhirnya tempoh bercukai yang diubah itu.

35. *Fasal 50* bertujuan untuk meminda subseksyen 27(5) dan (6) Akta 806 untuk memberi Ketua Pengarah kuasa untuk membuat taksiran terhadap mana-mana orang yang mengawal apa-apa barang bercukai atau mengimport apa-apa barang bercukai.

36. *Fasal 51* bertujuan untuk meminda Jadual kepada Akta 806, yang berhubungan dengan seksyen 25, untuk memperuntukkan bahawa tempoh bercukai pertama bagi orang kena cukai yang menjual barang bernilai rendah dan berdaftar di bawah Akta 806 ialah dua bulan selepas akhir bulan orang kena cukai itu didaftarkan dan tempoh bercukai berikutnya ialah tiga bulan.

PINDAAN KEPADA AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018

Bahagian VIII Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

37. *Fasal 53* bertujuan untuk meminda subseksyen 26(2) Akta 807 untuk membolehkan orang berdaftar yang tempoh bercukainya telah diubah untuk mengemukakan suatu penyata tidak lewat daripada hari terakhir bulan selepas berakhirnya tempoh bercukai yang diubah itu.

AM

38. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3396]